

# *Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah*



# *Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah*

*Penyunting*

**Ahmat Adam  
Saidatul Nornis Hj. Mahali**

**PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2014

---

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Universiti Malaysia Sabah, 2014  
Cetakan Pertama, 2001  
Cetakan Kedua, 2011  
Cetakan Ketiga, 2014

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia                      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Penyelidikan dan penulisan ilmiah : prosiding seminar penyelidikan dan penulisan ilmiah / editor Ahmat Adam, Saidatul Nornis Haji Mahali

Mengandungi rujukan bibliografi

ISBN 983-2188-79-7

1. Academic writing. I. Ahmad Adam. II. Saidatul Nornis Haji Mahali.  
808.066

Muka taip teks: Times New Roman

Saiz taip teks dan *leading*: 11/14 poin

Diterbitkan oleh: Penerbit Universiti Malaysia Sabah  
Tingkat Bawah, Perpustakaan  
Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu, Sabah

Dicetak oleh: Gayawara Sdn. Bhd.  
No. 2, Jalan Nountun, Tingkat Bawah, Wisma Capital  
88450 Kota Kinabalu, Sabah

## KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
<b>Ahmat Adam</b> Cadangan Penyelidikan untuk Ilmu-ilmu Kemanusiaan	1
<b>Zainal Abidin Said</b> Kaedah Menulis Kertas Cadangan Penyelidikan: Bidang Ekonomi dan Pengurusan Perniagaan	11
<b>Mohamad Haji-Yusuf</b> Kaedah Penyelidikan Kuantitatif	23
<b>Zainodin Haji Jubok</b> Methods of Quantitative Research	33
<b>Mohammad Adam Bakar</b> Pemilihan Metode Kajian: Kuantitatif atau Kualitatif	45
<b>Roselina Ahmad Saufi &amp; Syed Azizi Wafa</b> Ulasan Literatur: Proses Gabung Jalin Data Kualitatif dan Kuantitatif	55
<b>Adi Fahrudin</b> Penyediaan Borang Soal selidik dan Kaedah Temu duga dalam Penyelidikan	67
<b>Awang Sariyan</b> Kemahiran Penulisan dalam Konteks Pembinaan Wacana yang Utuh (I)	87
<b>Awang Sariyan</b> Aspek Gaya dalam Penulisan: Tumpuan kepada Penghasilan Ayat yang Berkesan (II)	99

<b>Mohd. Sarim Hj. Mustajab</b>	111
Mendokumentasi atau Mencatat Sumber: Tumpuan kepada Cara Mencatat Nota Kaki dan Penyediaan Bibliografi	
<b>Ann Anton</b>	129
Penyediaan Bibliografi Bidang Sains	
<b>Senarai Penyumbang</b>	

## **Prakata**

Penyelidikan dan penerbitan adalah dua bidang yang rapat kaitannya antara satu sama lain. Memahami peri pentingnya dan selanjutnya, melaksanakan kedua-duanya merupakan tugas wajib yang tidak ada tawar-menawar bagi seseorang ahli akademik. Seseorang pensyarah di institusi pengajian tinggi tentulah harus mempunyai minat selain memahami selok-belok membuat penyelidikan dan menerbitkan karya asli yang berupa hasil penyelidikan. Dua pekerjaan ini, iaitu menyelidik dan menerbitkan tulisan yang berasaskan penyelidikan merupakan profesi pensyarah sepanjang hayatnya atau setidak-tidaknya dalam tempoh dia menjadi pensyarah. Namun, penyelidikan bukanlah monopoli ahli-ahli akademik sahaja, para pegawai atau pekerja di jabatan-jabatan yang memerlukan kegiatan penyelidikan dikendalikan dengan baik dan hasil penyelidikan itu pula diterbitkan untuk tujuan penyebaran maklumat, atau dapatkan baharu, tentang projek penyelidikan yang telah dijalankan, harus tahu tentang kaedah penyelidikan dan tatacara penulisan untuk tujuan penerbitan.

Menyedari betapa perlunya anggota staf akademik di institusi pengajian tinggi dibekalkan dengan ilmu pengetahuan tentang kaedah beberapa aspek penyelidikan dan penulisan, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, telah mengambil daya usaha untuk mengundang sekitar dua ratus orang peserta yang terdiri daripada kakitangan akademik dari institusi pengajian buah tinggi dan para pengurus dan pengendali penyelidikan dan penulisan dari beberapa buah institusi kerajaan yang terlibat dalam dua bidang ini, sama ada dari Semenanjung, Sabah ataupun Sarawak. Ternyata seminar yang berlangsung di Hotel Hyatt Kinabalu pada 2 hingga 3 April 2001 telah mendapat sambutan yang baik daripada para peserta. Alhamdulillah, hasil daripada seminar itu maka beberapa makalah yang dibentang kini diterbitkan sebagai sebuah buku. Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk menampung keperluan bahan bacaan bagi penyelidik-penyelidik muda terutamanya calon-calon pascasiswazah dan juga sesiapa pun yang merasakan perlu untuk mengetahui sedikit banyak tentang kaedah penyelidikan dan penulisan bagi tujuan penerbitan.

Walaupun tidak semua aspek penyelidikan dan penulisan dapat digarap (bahkan, ada tiga kertas kerja yang tidak dapat diterbitkan kerana penulisnya mempunyai halangan menyiapkannya dalam waktu yang dikehendaki), seboleh mungkin telah diusahakan agar aspek-aspek penting seperti menyediakan cadangan penyelidikan, penyelidikan kuantitatif dan kualitatif, resensi literatur, penyediaan *questionnaire*, kajian lapangan, teknik dan gaya penulisan dan pendokumentasian sumber disentuh. Diharapkan buku ini akan ada gunanya bagi para pelajar dan mereka yang ingin memperoleh pengetahuan tentang penyelidikan dan penulisan bagi tujuan penerbitan.

Sebagai penutup, ingin kami ucapkan berbanyak terima kasih kepada Puan Nik Zaitun binti Nik Mohamed yang telah menerajui jawatankuasa yang telah berjaya mengadakan Seminar Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua staf Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa yang terlibat baik secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam menjadikan seminar ini suatu kenyataan. Kepada Datuk Seri Panglima Naib Canselor, Prof. Dr Abu Hassan bin Othman, bagi pihak rakan-rakan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, kami juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas segala sokongan dan terutamanya bantuan kewangan universiti untuk mengadakan seminar tersebut. Buku ini tentulah tidak mungkin dapat diterbitkan jika tidak kerana kerjasama para pembentang makalah, justeru ingin kami ucapkan terima kasih kepada mereka kerana mengizinkan makalah mereka diterbitkan setelah diedit pada bahagian-bahagian yang dirasakan perlu. Terakhir, tetapi tidak kurang pentingnya ialah terima kasih kami kepada Puan Amelia Abel yang telah bertungkus lumus menguruskan kerja-kerja grafik bagi menerbitkan buku ini.

Ahmat Adam  
Saidatul Nornis Hj. Mahali  
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah